

28/02/1998

5 persatuan diberi masa dua minggu

Hussain Said

PENGANJUR Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI, Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98) memberi tempoh sehingga 15 Mac ini kepada lima persatuan sukan yang terbabit dalam pra-sukan Komanwel untuk mengemukakan anggaran perbelanjaan pengelolaan temasya itu.

Lima persatuan yang terbabit dengan pengelolaan pra-Sukan Komanwel itu ialah Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), Kesatuan Renang Amatur Malaysia (Asum), Persekutuan Gimnastik Malaysia (PGM), Persekutuan Hoki Malaysia dan Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM).

Pengerusi Eksekutif Sukom '98, Tan Sri Hashim Mohd Ali berkata buat masa ini Sukom '98 masih belum dapat menganggarkan perbelanjaan sebenar untuk mengelolakan temasya itu.

"Tetapi kami sudah memberi notis kepada persatuan terbabit untuk mengemukakan anggaran perbelanjaan masing-masing untuk mengelolakan temasya itu selewat-lewatnya 15 Mac ini."

"Bagaimanapun, setiap anggaran perbelanjaan yang dikemukakan nanti akan kami teliti terlebih dahulu sebelum memanggil persatuan terbabit untuk perbincangan lanjut," katanya ketika ditemui di majlis Kongsi Raya Sukom '98 di Stadium Negara, semalam.

Kejohanan pra-Sukan Komanwel yang ditetapkan 11 hingga 19 Julai ini bertujuan menguji serta memastikan keberkesanan dan kelancaran sistem pada setiap gelanggang dalam keadaan baik menjelang temasya sebenar, 11 hingga 21 September nanti.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mencadangkan kejohanan itu diadakan serentak supaya sistem, gerak kerja pegawai dan sukarelawan serta kawalan keselamatan dapat dipastikan berjalan lancar.

Sukom '98 menjangkakan hampir 2,000 atlit akan mengambil bahagian dalam kelima-lima acara yang dipertandingkan di Kompleks Sukan Negara (KSN), Bukit Jalil yang turut bakal dirasmikan serentak Perdana Menteri, pada hari pertama kejohanan.

Bagaimanapun, kos pengeloaan kejohanan selama sembilan hari itu akan dibiayai sepenuhnya oleh Sukom '98.

Menurut Hashim, kos untuk membiayai kejohanan pra-sukan Komanwel itu akan diambil sepenuhnya daripada sasaran peruntukan RM310 juta yang ditetapkan untuk mengendalikan temasya sebenar.

Bagaimanapun, Sukom '98 mengalu-alukan sekiranya persatuan terbabit serta ada penaja yang mahu tampil memberi sumbangan untuk menjayakan kejohanan itu.

(END)